



# Dasar Privasi

Yang terakhir diubah suai: 18 Disember 2017 ([lihat versi yang diarkibkan](#)) (Contoh melalui hiperpautan disediakan di akhir dokumen ini.)

Terdapat pelbagai cara untuk anda menggunakan perkhidmatan kami – untuk mencari dan berkongsi maklumat, untuk berhubung dengan orang lain atau untuk mencipta kandungan baharu. Apabila anda berkongsi maklumat dengan kami, contohnya dengan mencipta [Akaun Google](#), kami boleh menambahbaik perkhidmatan tersebut – untuk memaparkan kepada anda **hasil carian yang lebih berkaitan** dan iklan untuk membantu anda **berhubung dengan orang** atau untuk menjadikan **perkongsian dengan orang lain lebih cepat dan lebih mudah**. Apabila anda menggunakan perkhidmatan kami, kami ingin anda memahami cara kami menggunakan maklumat dan cara anda boleh melindungi privasi anda.

Dasar Privasi kami menerangkan:

- Maklumat apa yang kami kumpulkan dan sebab kami mengumpulnya.
- Bagaimana kami menggunakan maklumat tersebut.
- Pilihan yang kami tawarkan, termasuk bagaimana mengakses dan mengemaskinkan maklumat.

Kami telah cuba untuk mengekalkannya semudah yang boleh, tetapi jika anda tidak biasa dengan istilah seperti kuki, alamat IP, teg piksel dan penyemak imbas, anda patut membaca mengenai [istilah utama](#) ini terlebih dahulu. Privasi anda penting bagi Google, oleh itu sama ada anda baru menggunakan Google atau pengguna lama, sila luangkan masa untuk memahami amalan-amalan kami – dan jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, [hubungi kami](#).

## Maklumat yang kami kumpul

Kami mengumpul maklumat untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada semua pengguna kami – daripada memikirkan perkara asas seperti bahasa apa yang anda gunakan hingga kepada perkara yang lebih rumit seperti **iklan mana yang anda dapati paling berguna, orang yang paling penting bagi anda di dalam talian**, atau video YouTube yang anda mungkin suka.

Kami mengumpulkan maklumat dengan cara-cara berikut:

- **Maklumat yang anda berikan kepada kami.** Contohnya, banyak perkhidmatan kami memerlukan anda mendaftar untuk memiliki Akaun Google. Apabila anda mendaftar, kami akan meminta [maklumat peribadi](#), seperti nama, alamat e-mel, nombor telefon atau **kad kredit** anda untuk disimpan dengan akaun anda. Jika anda ingin memanfaatkan sepenuhnya ciri perkongsian yang kami tawarkan, kami mungkin turut meminta anda mencipta [Profil Google](#) yang boleh dilihat secara terbuka, yang mungkin termasuk nama dan gambar anda.
- **Maklumat yang kami peroleh daripada penggunaan perkhidmatan kami oleh anda.** Kami [mengumpulkan maklumat](#) mengenai perkhidmatan yang anda gunakan dan cara anda menggunakan perkhidmatan itu, seperti apabila anda menonton video di YouTube, melalui tapak web yang menggunakan perkhidmatan pengiklanan kami atau **melihat dan berinteraksi dengan iklan** dan kandungan kami. Maklumat ini termasuk:
  - **Maklumat peranti**

Kami mengumpul **maklumat khusus peranti** (seperti model perkakasan anda, versi sistem pengendalian, [pengecam peranti unik](#) dan maklumat rangkaian mudah alih termasuk nombor telefon). Google mungkin mengaitkan **pengecam peranti** atau **nombor telefon** anda dengan Akaun Google anda.

- **Maklumat log**

Apabila anda menggunakan perkhidmatan kami atau melihat kandungan yang disediakan oleh Google, kami mengumpul dan menyimpan maklumat tertentu secara automatik dalam [log pelayan](#). Ini termasuk:

- butiran tentang cara anda menggunakan perkhidmatan kami, seperti pertanyaan carian anda.
- maklumat log telefon seperti nombor telefon anda, nombor pihak yang memanggil, nombor ajuan, masa dan tarikh panggilan, tempoh panggilan, maklumat penghalaan SMS dan jenis panggilan.
- Alamat protokol Internet.
- maklumat acara peranti seperti keranapan, aktiviti sistem, tetapan perkakasan, jenis pelayar, bahasa pelayar, tarikh dan masa permintaan anda dan URL rujukan.
- kuki yang mungkin mengenal pasti dengan unik pelayar anda atau Akaun Google anda.

- **Maklumat lokasi**

Apabila anda menggunakan perkhidmatan Google, kami **mungkin mengumpul dan memproses maklumat tentang lokasi sebenar anda**. Kami menggunakan pelbagai teknologi untuk menentukan lokasi, termasuk alamat IP, GPS dan penderia lain yang mungkin, sebagai contoh, memberi Google maklumat mengenai peranti-peranti berdekatan, **pusat akses Wi-Fi dan menara selular**.

- **Nombor aplikasi unik**

Perkhidmatan tertentu termasuk nombor aplikasi unik. Nombor dan maklumat mengenai pemasangan anda ini (contohnya, jenis sistem pengendalian dan nombor versi aplikasi) mungkin dihantar kepada Google apabila anda memasang atau menyahpasang perkhidmatan tersebut atau apabila perkhidmatan tersebut menghubungi pelayar kami secara berkala, seperti untuk mendapatkan kemas kini automatik.

- **Storan setempat**

Kami mungkin mengumpul dan menyimpan maklumat (termasuk maklumat peribadi) secara tempatan pada peranti anda menggunakan mekanisme seperti storan pelayar web (termasuk HTML 5) dan cache data aplikasi.

- **Kuki dan teknologi yang serupa**

Kami dan rakan kongsi kami menggunakan pelbagai teknologi untuk mengumpul dan menyimpan maklumat apabila anda melawat perkhidmatan Google. Ini mungkin termasuk menggunakan kuki atau teknologi yang serupa untuk mengecam penyemak imbas atau peranti anda. Kami turut menggunakan teknologi ini untuk mengumpul dan menyimpan maklumat apabila anda berinteraksi dengan perkhidmatan yang kami tawarkan kepada rakan kongsi kami, seperti **perkhidmatan pengiklanan** atau ciri Google yang mungkin terpapar pada tapak lain. Produk Google Analitis kami membantu perniagaan dan pemilik tapak menganalisis trafik ke tapak web dan aplikasi mereka. Apabila digunakan bersama-sama dengan perkhidmatan pengiklanan kami, seperti perkhidmatan yang menggunakan kuki DoubleClick, maklumat Google Analitis **dipaut, oleh pelanggan Google Analitis atau Google, menggunakan teknologi Google, dengan maklumat tentang lawatan ke berbilang tapak**.

Maklumat yang kami kumpulkan apabila anda log masuk ke Google, sebagai tambahan kepada maklumat yang kami peroleh tentang anda daripada rakan kongsi, mungkin berkaitan dengan Akaun Google anda. Apabila maklumat itu dikaitkan dengan Akaun Google anda, kami menganggap maklumat itu sebagai maklumat peribadi. Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang cara anda dapat mengakses, mengurus atau memadamkan maklumat yang dikaitkan dengan Akaun Google anda, lawati bahagian Ketelusan dan pilihan dalam dasar ini.

## **Bagaimana kami menggunakan maklumat yang kami kumpul**

Kami menggunakan maklumat yang kami kumpul daripada semua perkhidmatan kami untuk **menyediakan, mengekalkan, melindungi** dan menambah baik perkhidmatan tersebut, untuk **membangunkan perkhidmatan baru** dan untuk **melindungi Google dan pengguna kami**. Kami turut menggunakan maklumat ini untuk menawar kepada anda kandungan yang telah disesuaikan – seperti memberikan anda hasil carian dan iklan yang lebih berkaitan.

Kami mungkin menggunakan nama yang anda beri untuk Profil Google anda merentasi semua perkhidmatan yang kami tawarkan yang memerlukan Akaun Google. Di samping itu, kami mungkin mengganti nama terdahulu berkaitan dengan Akaun Google anda supaya anda diwakili secara tekal merentasi semua perkhidmatan kami. Jika pengguna lain sudah mempunyai e-mel anda atau maklumat lain yang mengenal pasti anda, kami mungkin menunjukkan kepada mereka maklumat Profil Google anda yang boleh dilihat secara terbuka, seperti nama dan gambar anda.

Jika anda mempunyai Akaun Google, kami boleh memaparkan Nama profil, Foto profil dan tindakan yang anda ambil di Google atau aplikasi pihak ketiga yang dihubungkan ke Akaun Google anda (seperti +1ku, ulasan yang anda tulis dan komen yang

anda siarkan) dalam perkhidmatan kami, termasuk paparan dalam iklan dan konteks komersil yang lain. Kami akan menghormati pilihan anda mengenai **pengehadan tetapan perkongsian dan keterlihatan** dalam Akaun Google anda.

Apabila anda menghubungi Google, kami menyimpan rekod komunikasi anda untuk membantu menyelesaikan apa-apa isu yang mungkin anda hadapi. Kami mungkin menggunakan alamat e-mel anda untuk memberitahu anda mengenai perkhidmatan kami, seperti memberitahu anda mengenai perubahan atau pemberitaan yang akan berlaku.

Kami menggunakan maklumat yang kami kumpulkan daripada kuki dan teknologi lain, seperti teg piksel, untuk **mempertingkatkan pengalaman pengguna anda** dan mutu keseluruhan perkhidmatan kami. Salah satu produk yang kami gunakan untuk melakukan tindakan ini pada perkhidmatan kami sendiri ialah Google Analitis. Contohnya, dengan menyimpan pilihan bahasa anda, kami boleh memaparkan perkhidmatan kami dalam bahasa pilihan anda. Apabila memaparkan iklan yang tersuai kepada anda, kami tidak akan mengaitkan pengecam daripada kuki atau teknologi yang serupa dengan kategori yang sensitif, seperti perkara yang berdasarkan bangsa, agama, orientasi seksual atau kesihatan.

Sistem automatik kami menganalisis kandungan anda (termasuk e-mel) untuk memberikan anda ciri-ciri produk yang berkaitan secara peribadi, seperti hasil carian tersuai, pengiklanan diperibadikan dan pengesanan spam serta perisian hasad.

Kami mungkin **menggabungkan maklumat peribadi daripada satu perkhidmatan dengan maklumat, termasuk maklumat peribadi, daripada perkhidmatan Google yang lain** – contohnya, agar anda lebih mudah berkongsi dengan orang yang anda kenali. Bergantung pada tetapan akaun anda, aktiviti anda di tapak dan pada apl yang lain mungkin dikaitkan dengan maklumat peribadi anda untuk memperbaikkan perkhidmatan Google dan iklan yang diterbitkan oleh Google.

Kami akan meminta keizinan anda sebelum menggunakan maklumat untuk tujuan selain yang telah dinyatakan dalam Dasar Privasi ini.

Google memproses maklumat peribadi pada pelayan kami di banyak negara di seluruh dunia. Kami mungkin memproses maklumat peribadi anda pada pelayan yang berada di luar negara tempat tinggal anda.

## Ketelusan dan pilihan

Setiap orang mempunyai keimbangan privasi yang berbeza. Matlamat kami adalah untuk menyatakan dengan jelas tentang jenis maklumat yang kami kumpulkan supaya anda boleh membuat pilihan yang bermakna tentang cara maklumat tersebut digunakan. Contohnya, anda boleh:

- Semak dan kemas kini kawalan aktiviti Google anda untuk menentukan jenis data, seperti video yang anda tonton di YouTube atau carian lalu, yang ingin anda simpan menggunakan akaun anda semasa menggunakan perkhidmatan Google. Anda turut boleh melawati kawalan ini untuk mengurus sama ada aktiviti tertentu disimpan dalam kuki atau teknologi yang serupa pada peranti apabila anda menggunakan perkhidmatan kami semasa dilog keluar daripada akaun anda.
- Menyemak semula dan mengawal jenis maklumat tertentu yang terikat kepada Akaun Google anda dengan menggunakan Google Dashboard.
- Lihat dan edit pilihan anda tentang iklan Google yang dipaparkan kepada anda di Google dan di seluruh web, seperti kategori iklan yang mungkin menarik minat anda, menggunakan Tetapan Iklan. Anda juga boleh melawati halaman itu untuk menarik diri daripada perkhidmatan pengiklanan Google yang tertentu.
- Laraskan cara Profil yang dikaitkan dengan Akaun Google anda dipaparkan kepada orang lain.
- Kawal dengan siapa anda berkongsi maklumat melalui Akaun Google anda.
- Ambil maklumat yang dikaitkan dengan Akaun Google anda daripada banyak perkhidmatan kami.
- Memilih sama ada Nama profil dan Foto profil anda dipaparkan pada pengendorsan dikongsi yang tersiar dalam iklan.

Anda turut boleh menetapkan penyemak imbas anda untuk menyekat semua kuki, termasuk kuki yang dikaitkan dengan perkhidmatan kami, atau untuk menunjukkan apabila kuki ditetapkan oleh kami. Bagaimanapun, adalah penting untuk anda mengingat bahawa banyak perkhidmatan kami **mungkin tidak akan berfungsi dengan baik jika kuki anda dilumpuhkan**. Contohnya, kami mungkin tidak ingat pilihan bahasa anda.

## Maklumat yang anda kongsi

Banyak perkhidmatan kami membolehkan anda berkongsi maklumat dengan orang lain. Ingat bahawa apabila anda berkongsi maklumat secara terbuka, maklumat tersebut mungkin boleh diindeks oleh enjin carian, termasuk Google. Perkhidmatan kami menyediakan pilihan berbeza tentang **perkongsian** dan **pemindahan keluar kandungan anda**.

## Pengaksesan dan Pengemaskinian maklumat peribadi anda

Apabila anda menggunakan perkhidmatan kami, matlamat kami adalah untuk menyediakan **akses kepada maklumat peribadi anda**. Jika maklumat tersebut salah, kami berusaha untuk memberi anda cara mengemas kini maklumat tersebut dengan cepat atau untuk memadamkannya – kecuali jika kami perlu menyimpan maklumat tersebut untuk tujuan perniagaan yang sah atau untuk tujuan undang-undang.

Matlamat kami adalah untuk mengekalkan perkhidmatan kami dengan cara yang melindungi maklumat daripada pemusnahan tidak sengaja atau yang berniat jahat. Oleh yang demikian, selepas anda memadamkan maklumat daripada perkhidmatan kami, kami mungkin tidak memadamkan salinan sisa daripada pelayan aktif kami dan mungkin tidak memindah keluar maklumat daripada sistem sandaran kami dengan serta-merta.

### Maklumat yang kami kongsi

Kami tidak berkongsi maklumat peribadi dengan syarikat, organisasi dan individu di luar Google melainkan dalam salah satu keadaan yang berikut:

- **Dengan keizinan anda**

Kami akan berkongsi maklumat peribadi dengan syarikat, organisasi dan individu di luar Google apabila kami mendapatkan keizinan anda untuk berbuat demikian. Kami memerlukan kebenaran ikut serta untuk perkongsian sebarang maklumat peribadi yang sensitif.

- **Dengan pentadbir domain**

Jika Akaun Google anda diuruskan untuk anda oleh pentadbir domain (contohnya, untuk pengguna Google Apps), maka pentadbir dan penjual semula domain anda yang menyediakan sokongan pengguna kepada organisasi anda akan mempunyai akses kepada maklumat Akaun Google anda (termasuk e-mel dan data anda yang lain). Pentadbir domain anda mungkin akan boleh:

- melihat statistik berkenaan dengan akaun anda, seperti statistik berkenaan dengan aplikasi yang anda pasang.
- menukar kata laluan akaun anda.
- mengantung atau menamatkan akses akaun anda.
- mengakses atau mengekalkan maklumat yang disimpan sebagai sebahagian daripada akaun anda.
- menerima maklumat akaun anda untuk mematuhi undang-undang, peraturan, **proses undang-undang atau arahan kerajaan yang boleh dikuatkuasakan**.
- mengehadkan keupayaan anda untuk memadamkan atau mengedit maklumat atau tetapan privasi.

Sila rujuk dasar privasi pentadbir domain anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.

- **Untuk pemprosesan luar**

Kami memberikan maklumat peribadi kepada anggota gabungan kami atau perniagaan atau orang yang dipercayai untuk memproses maklumat ini untuk kami, berdasarkan arahan kami dan mematuhi Dasar Privasi kami dan sebarang tindakan dan keselamatan lain yang bersesuaian.

- **Untuk tujuan undang-undang**

Kami akan berkongsi maklumat peribadi dengan syarikat, organisasi dan individu di luar Google jika kami mempercayai sepenuh hati bahawa akses, penggunaan, pemeliharaan atau pendedahan maklumat tersebut adalah wajar untuk:

- mematuhi sebarang undang-undang yang berkenaan, peraturan, **proses undang-undang atau arahan kerajaan yang boleh dikuatkuasakan**.
- menguatkuasakan Syarat Perkhidmatan yang berkenaan, termasuk menyiasat pelanggaran yang mungkin berlaku.
- mengesan, menghalang atau mengutarakan isu penipuan, keselamatan atau teknikal.
- melindungi daripada bahaya terhadap hak, harta atau keselamatan Google, pengguna kami atau orang ramai seperti yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang.

**Kami mungkin berkongsi maklumat yang tidak dapat mengenal pasti diri** secara terbuka dan dengan rakan kongsi kami – seperti penerbit, pengiklan dan tapak yang disambungkan. Contohnya, kami mungkin berkongsi maklumat secara terbuka **untuk menunjukkan arah aliran** mengenai penggunaan umum perkhidmatan kami.

Jika Google terlibat dalam penggabungan, pengambilan atau penjualan aset, kami akan terus menjamin kerahsiaan sebarang maklumat peribadi dan memberikan notis kepada pengguna yang terjejas sebelum maklumat peribadi dipindahkan atau diletakkan di bawah dasar privasi yang berbeza.

## Keselamatan maklumat

Kami berusaha bersungguh-sungguh untuk melindungi Google dan pengguna kami daripada akses tidak dibenarkan atau perubahan, pendedahan atau pemusnahan yang tidak dibenarkan terhadap maklumat yang kami pegang. Secara khususnya:

- Kami menyulitkan banyak perkhidmatan kami [menggunakan SSL](#).
- Kami menawar kepada anda [pengesahan dua langkah](#) apabila anda mengakses Akaun Google anda dan [ciri Penyemakan Imbas Selamat](#) dalam Google Chrome.
- Kami menyemak amalan pengumpulan, storan dan pemprosesan, termasuk langkah keselamatan fizikal, bagi mengawal terhadap akses tidak dibenarkan pada sistem.
- Kami mengehadkan akses ke maklumat peribadi kepada kakitangan, kontraktor dan ejen Google yang perlu mengetahui maklumat tersebut untuk memprosesnya bagi pihak kami dan mereka tertakluk kepada tanggungjawab kerahsiaan berkontrak dan boleh dikenakan tindakan disiplin atau perkhidmatannya boleh ditamatkan jika mereka gagal mematuhi tanggungjawab ini.

## Bila Dasar Privasi ini dilaksanakan

Dasar Privasi kami dikenakan pada semua perkhidmatan yang ditawarkan oleh Google LLC dan ahli gabungannya, termasuk YouTube, perkhidmatan yang disediakan oleh Google pada peranti Android dan perkhidmatan yang ditawarkan pada tapak lain (seperti perkhidmatan pengiklanan kami) tetapi tidak termasuk perkhidmatan yang mempunyai dasar privasi yang berasingan, yang tidak menggabungkan Dasar Privasi ini.

Dasar Privasi kami tidak terpakai untuk perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat atau individu lain, termasuk produk atau laman yang mungkin dipaparkan kepada anda dalam hasil carian, laman yang mungkin terdiri daripada perkhidmatan Google atau laman lain yang dipaut dari perkhidmatan kami. Dasar Privasi kami tidak meliputi amalan maklumat syarikat dan organisasi lain yang mengiklankan perkhidmatan kami dan yang mungkin menggunakan kuki, teg piksel dan teknologi lain untuk melayan dan menawarkan iklan yang berkaitan.

## Pematuhan dan kerjasama dengan pihak berkuasa kawal selia

Kami sentiasa menyemak pematuhan kami terhadap Dasar Privasi ini. Kami juga mematuhi beberapa [rangka kerja peraturan kendiri](#), termasuk EU-US dan Swiss-US Privacy Shield Frameworks. Apabila kami menerima aduan bertulis rasmi, kami akan menghubungi orang yang membuat aduan tersebut untuk membuat susulan. Kami bekerjasama dengan pihak berkuasa pengawalaturan yang berkenaan, termasuk pihak berkuasa perlindungan data tempatan, untuk menyelesaikan sebarang aduan tentang pemindahan data peribadi yang tidak dapat diselesaikan secara langsung dengan pengguna kami.

## Perubahan

Dasar Privasi kami mungkin berubah dari semasa ke semasa. Kami tidak akan mengurangkan hak anda di bawah Dasar Privasi ini tanpa persetujuan anda yang jelas. Kami akan menyiarkan sebarang perubahan Dasar Privasi pada halaman ini dan, jika perubahan adalah ketara, kami akan menyediakan notis yang lebih menyerlah (termasuk, untuk perkhidmatan tertentu, pemberitahuan melalui e-mel tentang perubahan dasar privasi). Kami turut akan menyimpan versi terdahulu Dasar Privasi ini dalam arkib untuk semakan semula anda.

## Amalan produk khusus

Notis berikut menerangkan amalan privasi khusus berkenaan dengan produk dan perkhidmatan Google tertentu yang anda mungkin gunakan:

- [Chrome dan Chrome OS](#)
- [Buku Play](#)
- [Bayaran](#)
- [Fiber](#)
- [Project Fi](#)
- [G Suite for Education](#)

- [YouTube Kids](#)
- [Akaun Google yang Diurus dengan Family Link](#)

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan kami yang paling popular, sila layari [Panduan Privasi Produk Google](#).

## **Bahan lain berkaitan privasi dan keselamatan yang berguna**

Bahan berkaitan privasi dan keselamatan lain yang berguna boleh didapati melalui [halaman dasar dan prinsip](#), termasuk:

- Maklumat mengenai [teknologi dan prinsip](#) kami, yang antara lain termasuk, maklumat lanjut tentang
  - [cara Google menggunakan kuki](#).
  - teknologi yang kami gunakan untuk [pengiklanan](#).
  - cara kami [mengenal pasti corak seperti muka](#).
- [Halaman](#) yang menerangkan tentang data yang dikongsi dengan Google apabila anda melawati laman web yang menggunakan produk pengiklanan, analitis dan sosial kami.
- Alat [Penyemakan Privasi](#), yang memudahkan anda menyemak tetapan privasi anda yang penting.
- [Pusat keselamatan](#) Google, yang menyediakan maklumat tentang cara untuk kekal selamat dan terjamin dalam talian.

### **"akses kepada maklumat peribadi anda"**

Contohnya, dengan Papan Pemuka Google anda boleh melihat sesetengah data yang dikaitkan dengan Akaun Google anda dengan cepat dan mudah.

[Ketahui lebih lanjut](#).

### **"iklan yang anda dapati paling berguna"**

Contohnya, jika anda sering melawati tapak web dan blog tentang berkebun, anda mungkin melihat iklan yang berkaitan dengan berkebun semasa anda menyemak imbas di web.

[Ketahui lebih lanjut](#).

### **"perkhidmatan pengiklanan"**

Contohnya, jika anda sering melawati tapak web dan blog tentang berkebun yang menyiaran iklan kami, anda mungkin mula melihat iklan yang berkaitan dengan minat ini semasa anda menyemak imbas di web.

[Ketahui lebih lanjut](#).

### **"dan penderia lain"**

Peranti anda mungkin mempunyai penderia yang memberi maklumat untuk membantu memahami lokasi anda dengan lebih baik lagi. Contohnya, akselerometer boleh digunakan untuk menentukan perkara seperti kelajuan atau giroskop untuk mendapatkan arah perjalanan.

[Ketahui lebih lanjut](#).

### **"mengumpul maklumat"**

Maklumat ini termasuk maklumat seperti data penggunaan dan pilihan anda, mesej Gmail, profil G+, foto, video, sejarah semak imbas, carian peta, dokumen atau kandungan lain yang dihoskan oleh Google.

[Ketahui lebih lanjut](#).

### **"menggabungkan maklumat peribadi dari satu perkhidmatan dengan maklumat dari perkhidmatan Google yang lain, termasuk maklumat peribadi"**

Contohnya, apabila anda log masuk ke Akaun Google anda dan mencari di Google, anda boleh melihat hasil carian dari web awam, bersama-sama dengan halaman, foto dan siaran Google+ daripada rakan anda, dan orang yang mengenali anda atau mengikuti anda di Google + boleh melihat siaran dan profil anda dalam hasil carian mereka.

[Ketahui lebih lanjut](#).

### **"berhubungan dengan orang"**

Contohnya, anda boleh mendapatkan cadangan daripada orang yang mungkin anda kenali atau mahu hubungi di Google+, berdasarkan hubungan anda dengan orang pada produk Google yang lain, seperti Gmail dan orang yang berhubungan dengan anda mungkin melihat profil anda sebagai cadangan.

Ketahui lebih lanjut.

#### **"kad kredit"**

Walaupun pada masa ini kami tidak meminta kad kredit semasa mendaftar, pengesahan umur anda melalui transaksi kad kredit yang kecil merupakan salah satu cara untuk mengesahkan bahawa anda memenuhi syarat umur kami sekiranya akaun anda dilumpuhkan selepas anda memasukkan tarikh lahir yang menunjukkan anda tidak cukup umur untuk mempunyai Akaun Google.

Ketahui lebih lanjut.

#### **"membangunkan yang baharu"**

Contohnya, perisian semakan ejaan Google telah dibangunkan dengan menganalisis carian terdahulu apabila pengguna telah membetulkan ejaan mereka sendiri.

Ketahui lebih lanjut.

#### **"pengecam peranti"**

Pengecam peranti membenarkan Google mengetahui peranti unik yang anda gunakan untuk mengakses perkhidmatan kami, yang boleh digunakan untuk menyesuaikan perkhidmatan kami dengan peranti anda atau menganalisis sebarang isu peranti yang berkaitan dengan perkhidmatan kami.

Ketahui lebih lanjut.

#### **"maklumat khusus peranti"**

Contohnya, apabila anda melawati Google Play dari desktop anda, Google boleh menggunakan maklumat ini untuk membantu anda membuat keputusan tentang peranti yang hendak dipasang dengan pembelian anda.

Ketahui lebih lanjut.

#### **"menambah baik pengalaman pengguna anda"**

Contohnya, kuki membolehkan kami menganalisis cara pengguna berinteraksi dengan perkhidmatan kami.

Ketahui lebih lanjut.

#### **"proses perundangan atau arahan kerajaan yang boleh dikuatkuasakan"**

Seperti syarikat teknologi dan komunikasi lain, Google sering menerima arahan daripada kerajaan dan mahkamah dari seluruh dunia untuk menyerahkan data pengguna. Pasukan perundangan kami menyemak setiap arahan tanpa mengira jenis dan kami sering membantah apabila arahan kelihatan terlalu am atau tidak mematuhi proses yang betul.

Ketahui lebih lanjut.

#### **"hadkan tetapan perkongsian atau keterlihatan"**

Contohnya, anda boleh memilih tetapan anda supaya nama dan gambar anda tidak dipaparkan dalam iklan.

Ketahui lebih lanjut.

#### **"dikaitkan dengan maklumat tentang lawatan ke berbilang tapak"**

Google Analitis adalah berdasarkan kuki pihak pertama. Data yang dijana melalui Google Analitis boleh dipaut, oleh pelanggan Google Analitis atau Google, menggunakan teknologi Google, kepada kuki pihak ketiga, berkaitan dengan lawatan ke tapak web lain, contohnya apabila pengiklan mahu menggunakan data Google Analitisnya untuk membuat iklan yang lebih berkaitan atau untuk menganalisis trafiknya dengan lebih lanjut.

Ketahui lebih lanjut.

#### **"mengekalkan"**

Sebagai contoh, kami berterusan memantau sistem kami untuk memastikan sistem kami berfungsi seperti yang sepatutnya dan

untuk mengesan serta membetulkan ralat.

Ketahui lebih lanjut.

**"boleh mengumpul dan memproses maklumat mengenai lokasi sebenar anda"**

Contohnya, Peta Google boleh memusatkan paparan peta pada lokasi semasa anda.

Ketahui lebih lanjut.

**"mungkin tidak berfungsi dengan baik"**

Contohnya, kami menggunakan kuki yang dipanggil 'ibcs' yang membolehkan anda membuka berbilang Dokumen Google dalam satu penyemak imbas.

Ketahui lebih lanjut.

**"dan rakan kongsi kami"**

Kami membolehkan perniagaan yang dipercayai untuk menggunakan kuki atau teknologi yang serupa untuk tujuan pengiklanan dan penyelidikan pada perkhidmatan kami.

Ketahui lebih lanjut.

**"nombor telefon"**

Contohnya, jika anda menambah nombor telefon sebagai pilihan pemulihan dan anda terlupa kata laluan, Google boleh menghantar mesej teks yang mengandungi kod untuk membolehkan anda menetapkan semula kata laluan tersebut.

Ketahui lebih lanjut.

**"melindungi Google dan pengguna kami"**

Contohnya, jika anda bimbang tentang capaian tanpa kebenaran ke e-mel anda, "Aktiviti terakhir akaun" dalam Gmail menunjukkan kepada anda maklumat mengenai aktiviti terbaru dalam e-mel anda, seperti alamat IP yang mengakses mel anda, lokasi serta waktu dan tarikh yang berkaitan.

Ketahui lebih lanjut.

**"melindungi"**

Sebagai contoh, salah satu sebab kami mengumpul dan menganalisis alamat IP serta kuki adalah untuk melindungi perkhidmatan kami daripada penyalahgunaan automatik.

Ketahui lebih lanjut.

**"menyediakan"**

Sebagai contoh, alamat IP yang diberikan kepada peranti anda digunakan untuk menghantar data yang anda minta kembali ke peranti anda.

Ketahui lebih lanjut.

**"perkongsian"**

Contohnya, dengan Google+, anda mempunyai pelbagai pilihan perkongsian yang berbeza.

Ketahui lebih lanjut.

**"perkongsian dengan orang lain lebih cepat dan mudah"**

Contohnya, jika seseorang itu sudah tersenarai dalam kenalan, Google akan menggunakan Autolengkap untuk melengkapkan nama mereka jika anda hendak menambahkan mereka kepada mesej dalam Gmail.

Ketahui lebih lanjut.

**"orang yang paling penting kepada anda dalam talian"**

Contohnya, apabila anda menaip alamat dalam medan Kepada, Sk atau Skt bagi mesej yang sedang dikarang, Gmail akan mencadangkan alamat dari senarai Kenalan anda.

Ketahui lebih lanjut.

**"untuk lebih memudahkan berkongsi sesuatu dengan orang yang anda kenali"**

Contohnya, jika anda telah berkomunikasi dengan seseorang melalui Gmail dan ingin menambahkan mereka ke Dokumen Google atau suatu acara dalam Kalendar Google, Google memudahkan anda berbuat demikian menggunakan autolengkap untuk melengkapkan alamat e-mel mereka apabila anda mula menaip nama mereka.

Ketahui lebih lanjut.

**"lihat dan berinteraksi dengan iklan kami"**

Contohnya, kami kerap melaporkan kepada pengiklan tentang sama ada kami menyampaikan iklan mereka pada halaman dan sama ada iklan tersebut berkemungkinan dilihat oleh pengguna (berbanding dengan iklan tersebut berada di bahagian halaman yang tidak ditatal oleh pengguna contohnya).

Ketahui lebih lanjut.

**"Kami mungkin berkongsi maklumat terkumpul yang tidak mengenal pasti secara peribadi secara terbuka"**

Apabila ramai orang mula mencari sesuatu, kegiatan ini boleh memberi maklumat yang sangat berguna mengenai arah aliran tertentu pada masa itu.

Ketahui lebih lanjut.

**"Titik akses Wi-Fi dan menara selular"**

Sebagai contoh, Google boleh menganggarkan lokasi peranti anda berdasarkan lokasi menara selular berdekatan yang diketahui.

Ketahui lebih lanjut.

**"hasil carian yang lebih berkaitan"**

Contohnya, kami boleh menjadikan carian lebih berkaitan dan menarik untuk anda dengan memasukkan foto, siaran dan banyak lagi daripada anda dan rakan anda.

Ketahui lebih lanjut.

**"mengalih keluar kandungan anda"**

Contohnya, anda boleh memadamkan Aktiviti Web & Aplikasi anda, blog anda, Tapak Google yang anda miliki, Saluran YouTube anda, profil Google+ anda atau keseluruhan akaun Google anda.

Ketahui lebih lanjut.

**"untuk menunjukkan arah aliran"**

Anda boleh melihat beberapa contoh di Aliran Google dan Video Arah Aliran YouTube.

Ketahui lebih lanjut.

**"aktiviti anda di tapak dan pada apl lain"**

Aktiviti ini mungkin disebabkan anda menggunakan produk Google seperti Penyegerakan Chrome atau anda melawat ke tapak web dan apl yang berganding dengan Google. Banyak laman web dan apl berganding dengan Google untuk meningkatkan kandungan dan perkhidmatan yang ditawarkan. Sebagai contoh, sesuatu laman web mungkin menggunakan perkhidmatan pengiklanan kami (seperti AdSense) atau alat analitis (seperti Google Analitis). Produk ini berkongsi maklumat tentang aktiviti anda dengan Google dan, bergantung pada tetapan akaun anda dan produk yang sedang digunakan (contohnya, apabila rakan kongsi menggunakan Google Analitis bersama-sama dengan perkhidmatan pengiklanan), data ini mungkin dikaitkan dengan maklumat peribadi anda.

Ketahui lebih lanjut.